

WANITA KITA DENGAN PERSURATAN

(oleh: A. Jaafar Perak)

Kalau hendak dikira sekarang, hanya boleh dihitung dengan jari sahaja banyaknya wanita-wanita kita yang telah menceburkan dirinya di taman sastera persuratan bangsanya, dan amat berbanding benar jika dibandingkan dengan kaum lelaki yang telah menceburkan dirinya ke alam persuratan itu.

Saya sendiri tak dapat mengatakan, mengapa terjadinya demikian, bukan tak ada Tunas Puteri yang tumbuh memenuhi di taman sastera itu, tetapi sebanyak mana yang tumbuh maka sebanyak itulah pula yang hilang, mungkin mati kekeringan. Percampuran diri mereka ke alam persuratan akan segera terbantut seperti diragut maut apabila sahaja mereka mendirikan rumah tangga.

Jika dikaji dari segi ilmu jiwa, wanita itu adalah lebih banyak menyimpan rasa-rasa yang dikatakan “seni” di dalam jiwa dan peribadinya – kelakuan dan perawakannya yang lemah lembut itu sudah cukup untuk membuktikannya. Tetapi mengapa di dalam jiwa mereka kurang benar tumbuh apa yang dikatakan “seni sastera” atau kesusasteraan, iaitu sebagai satu cabang kesenian dan kebudayaan itu? Menurut hitungan dan pandangan saya bukanlah kurang bertumbuh, tetapi pertumbuhan sastera itu tidak disedarnya atau tidak dapat diamalkannya.

Selalu saya kedapatan dan ini boleh diperhatikan bersama, beberapa orang penulis-penulis wanita kita yang



Murid-murid tua Madrasah “Daerah al-Ma’ārid al-Waṭāniyyah” Kepala Batas, Seberang Prai, yang telah mendapat latihan “Taman Asuhan Reda”, sekarang berkhidmat menjadi guru.

Dari kanan (berkaca mata): Ustazah Saodah binti al-Haj Ismail, Ustazah Kalthum binti Abu Bakar dan Ustazah Hafsa binti Nuruddin.

kini lebih umum disebut sasterawani iaitu bererti pendokong kesusasteraan bangsanya, tak sejauh mana sumbangan mereka tersebar ke tengah mesyarakat kemudian hilang lenyap di dalam perjalanan menuju ke arah yang lebih maju dan luas lagi. Cukupkah hanya setakat itu mereka berbakti melalui hujung penanya pada hal masyarakat mengharapkan lebih banyak lagi dari mereka! Inilah yang dikatakan lemah semangat di dalam cita-citanya meneruskan khidmat dan kebaktiannya yang berupa kesusasteraan untuk santapan rohani dan jiwa bangsanya. Dan kebanyakannya sebagaimana yang telah dikatakan

tadi apabila mendirikan rumahtangga, maka terhentilah daripada berkecimpung dalam alam persuratan.

Dahulu, tiga empat tahun yang lalu, selalu kita temui nama-nama yang memberikan harapan besar kepada kita, tetapi sayang, tumbuhnya mereka adalah seperti tumbuhnya cendawan selepas musim hujan kemudian terus mala dan hilang. Kita akan temui nama-nama seperti Melati, Normah, Rayuan Sebukma, Jahliawati (Jah sekarang selalu menulis di dalam majalah-majalah Indonesia) dan banyak lagi tetapi dukacita dan hampa sekali nama-nama itu tak dapat kita temui lagi kini.

Kita ingin mengatur pertanyaan – meminta penjelasan – gerangan apakah yang menyebabkan mereka begitu – terutama dari mereka yang tajam hujung penanya di dalam hal mengupas kisah-kisah masyarakat, kerana dengan penjelasan mereka yang berupa ikhlas nanti, dapatlah kita ketahui, apakah sebab-sebabnya yang sebenar maka terjadinya demikian.

Kini masih tumbuh lagi tunas-tunas baharu di alam persuratan, menyembah derma baktinya ke pangkuan masyarakat, persejaraan persuratan bangsa sedang menghitung mereka, setakat manakah pula mereka mencurahkan buah kesusasteranyam untuk santapan jiwa masyarakat bangsanya.

Percayalah, bahawa tunas-tunas yang tumbuh kini akan bertambah besar, sumber dan mengeluarkan hasil kesusasteraan yang bernilai. Tunas ini tidak akan patah terkulai, sumber demi subur, hidup demi hidup hingga menjadi seponon yang rendang dan dapat menaungi orang lain.

Gelanggang “wanita” yang baharu lahir ini, saya rasa, adalah benar-benar menjadi sebuah gelanggang yang seluas-luasnya untuk (penulis-penulis wanita) menaburkan hasil percikan dari permenungannya untuk mesyarakatnya. Kepada mereka yang mempunyai bakat dan harapan besar



Samihah binti Abdul Rahman yang telah berjaya mendapat markah yang tinggi sekali dalam peperiksaan Madrasah “Daerah al-Ma’arif al-Wataniyyah” Kepala Batas, Seberang Prai.

tegasnya tunas-tunas yang baharu-baharu berkembang itu, ini adalah sebuah taman lagi untuk tempat mereka melahirkan buah fikiran, hasil kesusasteraan, dan kepada penulis-penulis wanita yang dahulu benar-benar menjadi sebuah pelita kini nyalakanlah kembali semangat dan cita-cita yang malap itu, terjunlah kembali ke kolam yang menantinya itu – ke kolam persuratan. Mengapa dibiarkan cahayanya yang malap itu bertambah kemalapannya dan mengapa cita-cita suci yang tumbuh di dalam jiwa dan sanubari itu dipatahkan demikian sekali?

Mudah-mudahan tulisan yang ringkas ini akan menghasilkan buah harapan saya – harapan masyarakat seluruhnya supaya bertambah lagi wanita-wanita kita di lapangan persuratan, lapangan yang menjadi cabang kesenian dan kebudayaan itu.